

[THE EARLY UNSUNG SCHOLARS IN ARABIC GRAMMAR (69-183H)]

**SARJANA TATABAHASA ARAB TERAWAL YANG
TIDAK DIDENDANG (69-183H)**

SALSABILA ROSLI¹
HAKIM ZAINAL¹
NURSHUHADAH ZUHAIDI¹
KASEH ABU BAKAR^{1*}

¹Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam (ArabIC), Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

*Corresponding Author: kaseh@ukm.edu.my

Received Date: 15 October 2021 • Accepted Date: 15 Disember 2021

Abstract

This article discusses the biographies of the earliest ancient Arabic grammar figures. Books related to the history of Arabic grammar often feature the earliest scholars of Arabic grammar such as Abu al-Aswad al-Du'ali (69-129H), 'Abdullah ibn Abi Ishaq (149-183H), al-Khalil ibn Ahmad al-Farahidi (100-170H) and Sibawayh (148-180H). While there are some of the names of the earliest scholars of Arabic grammar of the time that are almost unknown about their biographies, but their service to the development of Arabic grammar is great. This study focuses on the biographies of the earliest Arabic grammar scholars who lived between the years 69H to 183H. Data collection was done using *al-Maktabah al-Shamilah* software which involves digitally filtering 1,066 books. All data collected will be critically analyzed and analyzed. The procedure for analyzing content data is to identify the source of reference, secondly, critical research on information literacy; third, analysis and classification of information by category and fourth writing of study data. This study produces two research findings to coincide with the research problem. The findings of the study show that the isolation of information about some of these past figures is based on the scenario of writing past historical sources. The writing style of these sources focuses more on well-known figures than other figures. In addition, the findings of the study also show the lack of information for some of the Arabic grammar figures of the past. Based on the data and findings of the study shows the lack of information on this unspoken figure. It is hoped that more research on this isolated figure is done by other researchers. Differences in study results may be compared and used as a guide for future researchers

Keywords: Arabic grammar, earliest Arabic grammar scholar, Abu al-Aswad al-Dua'li, 'Abdullah ibn Abi Ishaq, biography

Abstrak

Artikel ini membincangkan biografi tokoh tatabahasa Arab silam terawal yang kurang didendangkan. Buku-buku berkaitan sejarah tatabahasa Arab sering menonjolkan tokoh sarjana tatabahasa Arab terawal seperti Abu al-Aswad al-Du'ali (69-129H), 'Abdullah ibn Abi Ishaq (149-183H), al-Khalil ibn Ahmad al-Farahidi (100-170H) dan Sibawayh (148-180H). Sedangkan di sana terdapat beberapa nama tokoh sarjana tatabahasa Arab terawal sezaman yang hampir tidak diketahui mengenai biografi mereka, namun jasa mereka terhadap perkembangan tatabahasa Arab adalah besar. Kajian ini memfokuskan biografi tokoh sarjana tatabahasa Arab terawal yang hidup di antara tahun 69H hingga 183H. Pengumpulan data dibuat dengan menggunakan *software al-Maktabah al-Shamilah* yang melibatkan penyaringan 1,066 buah buku secara digital. Kesemua data yang dikumpul akan diteliti dan dianalisis secara kritis. Tatacara menganalisis data kandungan adalah dengan mengenal pasti sumber rujukan, kedua, penelitian terhadap literasi maklumat secara kritis; ketiga, penganalisan dan pengelasan maklumat mengikut kategori dan keempat penulisan data kajian. Kajian ini menghasilkan dua dapatan kajian bertepatan dengan permasalahan kajian. Dapatan kajian menunjukkan keterpencilan maklumat mengenai beberapa tokoh silam ini adalah berdasarkan senario penulisan sumber sejarah lepas. Corak penulisan sumber-sumber ini lebih banyak memfokuskan tokoh yang sedia terkenal berbanding tokoh-tokoh lain. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan ketidakwujudan maklumat untuk beberapa tokoh tatabahasa Arab silam ini. Berdasarkan data dan dapatan kajian menunjukkan kepincangan maklumat terhadap tokoh yang tidak didendangkan ini. Diharapkan lebih banyak kajian mengenai tokoh terpencil ini dilakukan oleh pengkaji lain. Perbezaan hasil kajian mungkin dapat dibandingkan dan digunakan sebagai panduan untuk pengkaji akan datang

Kata kunci: Tatabahasa Arab, Sarjana tatabahasa Arab terawal, Abu al-Aswad al-Du'ali, 'Abdullah ibn Abi Ishaq, biografi

Cite as: Salsabila Rosli, Hakim Zainal, Nurshuhadah Zuhaidi & Kaseh Abu Bakar. (2021). Sarjana tatabahasa Arab terawal yang tidak didendang (69-183H). *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(3): 225-236.

PENGENALAN

Ilmu tatabahasa Arab mula diberi perhatian ketika zaman ketika zaman pemerintahan Khulafa' al-Rashidin (al-Tanṭawī, 1991). Kegiatan keilmuan tatabahasa Arab ini melibatkan banyak individu yang memberi sumbangan dalam perkembangannya. Akan tetapi sebahagian sarjana tatabahasa Arab dikenali umum seperti Abu al-Aswad al-Du'ali, Ibn Ishaq, al-Khalil dan juga Sibawayh. Manakala segelintir sarjana kurang terkenal berbanding nama-nama yang disebut tadi. Sehubungan itu, makalah ini membincangkan biografi sebahagian sarjana tatabahasa Arab yang kurang dikenali tersebut. Penulisan ini mengkategorikan sarjana tatabahasa Arab yang terawal ini kepada dua kelompok, iaitu sarjana tatabahasa Arab selepas Abu al-Aswad al-Du'ali (69-129H) dan sarjana selepas 'Abdullah ibn Abi Ishaq (149-183H). Semua sarjana ini berkepentingan dalam perkembangan tatabahasa Arab aliran Basrah. Justifikasi kelompok ini adalah berdasarkan pembahagian bab dalam buku *al-Halaqah al-Mafqudah fi al-Tarikh al-Nahw al-'Arabi* (Mukrim, 1993) ketika pengarang karya tersebut berpendapat terdapat kekurangan dalam pensejarahan tokoh tatabahasa Arab yang diistilahkan sebagai *halaqah mafqudah* atau *the missing ring*. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mencari maklumat mengenai tokoh-tokoh tersebut dan mengisi kekosongan untaian pensejarahan mereka.

CAKUPAN HOLISTIK KAJIAN

Senario penulisan kajian lepas hanya memfokuskan beberapa individu sarjana tatabahasa Arab sekali gus menjadikan mereka lebih terkenal berbanding sebahagian sarjana yang lain. Shawqi Dayf mencatatkan dalam mukadimah karyanya, *al-Madaris al-Nahwiyah* (Dayf, 1968) bahawa ilmu tatabahasa Arab diasaskan oleh Abu al-Aswad al-Du'ali bersama pelajarnya, kemudian diteruskan oleh 'Abdullah ibn Abi Ishak, seterusnya disambung pula oleh al-Khalil ibn Ahmad al-Farahidi sebagai pengasas sebenar *madrasah* tatabahasa aliran Basrah. Bertitik tolak daripada kenyataan di atas, ketigatiga nama yang disebut lebih terserlah berbanding tokoh sarjana tatabahasa Arab terawal yang lain.

Selain itu, kenyataan yang sama ditemui dalam kitab *al-Nahw al-Wafi* (Hasan, 1966) karya 'Abbas Hasan, seorang tokoh bahasa Arab kelahiran bumi Mesir yang juga menyebut beberapa nama tokoh yang sama seperti 'Abdullah Ibn Abi Ishaq dan al-Khalil ibn Ahmad al-Farahidi. Beliau juga turut menyebut nama Sibawayh dan beberapa tokoh tatabahasa Arab aliran Kufah seperti al-Kisa'i dan al-Farra'. Senario ini telah menjadi kebiasaan dalam pensejarahan tokoh sarjana tatabahasa Arab dengan terdapat beberapa tokoh terpencil yang sama hebatnya dengan tokoh-tokoh di atas, namun tidak begitu diserlahkan. Justeru, kajian ini memaparkan secara ringkas biografi beberapa tokoh sarjana tatabahasa Arab yang tidak didendangkan ini.

Limitasi kajian ini memfokuskan biografi tokoh sarjana tatabahasa Arab peringkat pertama dan peringkat kedua dalam pensejarahan ilmu nahu, iaitu sekitar tahun 69H hingga 183H. Asrina (2016) mencatatkan perkembangan ilmu nahu telah melalui tempoh masa yang lama dan dibahagikan kepada empat fasa. Namun menerusi kajian ini, dua fasa teratas diberi keutamaan dalam mengkaji sejarah biografi tokoh sarjana nahu terawal. Peringkat pertama merupakan fasa peletakan dasar dan pembentukan. Fasa ini dimulai dari tahun 69H hingga tahun 175H. Manakala fasa kedua merupakan fasa pertumbuhan dan perkembangan yang dimulai dari tahun 175H hingga tahun 187H. Pembahagian terhadap empat peringkat perkembangan ilmu nahu ini mula diperkenalkan dalam kitab *Nash'ah al-Nahw wa Tārikh 'Ashhur al-Nuhāh* (1991). Seterusnya limitasi kajian mengenai maklumat biografi tokoh sarjana nahu pula dihuraikan dalam beberapa aspek, iaitu nama dan maklumat umum tentang tokoh, tarikh kewafatan, *rihlah* keilmuan dan sumbangan tokoh terhadap ilmu tatabahasa Arab.

Selanjutnya metodologi penulisan ini menggunakan sebuah aplikasi kitab *turath* Islami, iaitu 'Aplikasi *al-Maktabah al-Shamilah*'. Aplikasi ini merupakan sebuah aplikasi percuma yang menghimpunkan sejumlah besar kitab *turath* Islami. Terdapat juga beberapa aplikasi lain seperti *al-Maktabah al-Kubra*, *al-Maktabah al-Dhahabiyyah* dan *Jawami' al-Kalim* yang semua aplikasi berfungsi untuk menampung kekurangan kepustakaan digital Islam (Fathullah, 2016). Setiap aplikasi mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Kelebihan aplikasi *al-Maktabah al-Shamilah* adalah kebolehan aplikasi ini mencari data secara automatik dan menyeluruh terhadap ribuan kitab simpanannya (Muhammad Niam & Agus Zainal 2006). Kelebihan ini bersesuaian dengan kaedah yang diperlukan dalam kajian ini yang memfokuskan maklumat kitab dan pengarang yang pernah menyentuh mengenai tokoh sarjana nahu terawal yang bakal dikaji ini. Justeru, aplikasi *al-Maktabah al-Shamilah* terpilih untuk digunakan oleh pengkaji. Aplikasi *al-Maktabah al-Shamilah* telah mengklafikasi kitab *turath* kepada 41 kelompok bidang ilmu. Menerusi kajian ini sebanyak 1,066 buah kitab lama melalui lapan kelompok bidang ilmu, iaitu kelompok *al-Tārikh*, *al-Tarajum wa Tabaqāt*, *al-Ansāb*, *al-Buldān wa al-Jughrāfiyā*, *Kitab al-Lughah*, *al-Nahw wa al-Sarf*, *al-Adab wa al-Balāghah* dan *al-Dawāwīn al-Syarīyah* telah disaring bagi mendapatkan maklumat. Carian dilakukan dengan menggunakan nama tokoh sebagai kata kunci carian. Hasil carian menggunakan aplikasi *al-Maktabah al-Shamilah* dipersembahkan dalam penulisan biografi tokoh tersebut.

KEMUNCULAN ILMU TATABAHASA ARAB

Shawqi Dayf (1968) berpandangan bahawa terdapat dua faktor utama kemunculan ilmu tatabahasa Arab. Pertama ialah faktor keagamaan dan yang kedua bukan faktor keagamaan. Faktor keagamaan bertitik tolak dari tanggungjawab untuk memelihara al-Quran daripada sebarang bentuk kesalahan menjadi tunggak utama disiplin ilmu tatabahasa Arab disusun. Terdapat tiga kisah menarik mengenai kesalahan membaca al-Quran yang berlaku pada zaman Khulafa' al-Rashidin yang membawa kepada penyusunan ilmu tatabahasa Arab. Pertamanya, kisah pada zaman Khalifah 'Umar al-Khattab RA, beliau sendiri pernah membetulkan bacaan seorang Arab pada surah al-Tawbah ayat ketiga:

أَنَّ اللَّهَ بَرِيءٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ وَرَسُولُهُ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya memutuskan tanggungjawab terhadap musyrik (al-Quran, 9:3).

Individu Arab tersebut membaca kalimah rasul dengan baris *kasrah* dan menyebabkan berlaku perubahan makna seolah-olah Allah SWT turut memutuskan tanggungjawab terhadap Rasul-Nya. Dan, perkara ini ditegur oleh 'Umar sendiri.

Seterusnya pada zaman pemerintahan Khalifah 'Uthman ibn 'Affan RA, pada zaman tersebut banyak berlaku perselisihan bacaan al-Quran disebabkan ketiadaan baris dalam naskhah al-Quran. Perkara ini menyebabkan berlaku percanggahan maklumat dan fakta dalam mentafsir dan mentakwilkan al-Quran. Dan, yang terakhir pada zaman Khalifah 'Ali RA, beliau juga pernah membetulkan bacaan al-Quran yang salah yang dibaca oleh orang Arab. Selepas peristiwa tersebut beliau memanggil Abu al-Aswad al-Du'ali dan berbincang mengenai hal ini. Hasilnya, 'Ali RA telah mengarahkan Abu al-Aswad al-Du'ali untuk membentuk satu disiplin ilmu, iaitu Ilmu Nahu.

Manakala faktor bukan keagamaan ialah kebimbangan bangsa Arab terhadap kerosakan bahasa mereka. Terdapat beberapa faktor dalaman yang boleh menyebabkan kerosakan bahasa Arab, antaranya ialah berlakunya pencampuran bangsa Arab dengan bangsa asing lantaran penyebaran agama Islam ke beberapa pelosok dunia. Terdapat dalam kalangan mereka berkahwin campur dan menyebabkan berlaku kelemahan bahasa pada lisan anak-anak bangsa Arab disebabkan berlakunya komunikasi campuran dan memberi kesan terhadap bahasa Arab (Dayf, 1968). Seterusnya pencampuran bangsa Arab dengan bangsa asing di pasar, masjid dan sebagainya di tempat awam turut menjadi faktor pemeliharaan bahasa Arab ini kerana bangsa Arab bimbang berlaku kerosakan terhadap bahasa Arab ketika mereka berinteraksi dengan bangsa asing (Dayf, 1968). Justeru pembentukan sebuah disiplin ilmu bahasa Arab perlu diketengahkan pada ketika itu, demi menjaga kemuliaan bahasa Arab yang juga merupakan bahasa al-Quran dan bahasa syurga.

BIOGRAFI LIMA SARJANA NAHU SELEPAS ABU AL-ASWAD AL-DU'ALI (69-129H)

Bertitik tolak daripada penghuraian di atas, lahirlah tokoh yang mempelopori bidang ilmu tatabahasa Arab beliau ialah Abu al-Aswad al-Du'ali. Nama sebenar beliau ialah Zalim ibn 'Amru ibn Sufyan dari Banu Kinanah dan meninggal dunia pada tahun 69H disebabkan wabak taun (Mukrim, 1993). Beliau ialah lapisan pertama Tabi'in yang menetap di Basrah sekali gus menjadikan beliau berada di peringkat terawal mempelopori ilmu nahu Arab. Selain itu, beliau terkenal dengan kepakarannya dalam bahasa Arab (al-Ṭanṭawī, 1991). Abu al-Aswad al-Du'ali ialah individu pertama yang meletakkan batu asas dalam pembelajaran ilmu nahu. Walaupun pada asalnya ia merupakan dorongan dan tanggungjawab yang diletakkan kepada beliau oleh Khalifah 'Ali ibn Abi Talib (al-Ṭanṭawī, 1991). Antara bab nahu yang disentuh beliau ialah bab *fi'l*, *maf'ul bih*, *mudaf* dan hukum *'irab* yang empat. Bukan itu sahaja

bahkan kegiatan keilmuan nahu Arab diteruskan dengan adanya sesi pembelajaran ilmu tersebut yang dilakukan sendiri oleh Abu al-Aswad al-Du'ali. Ini menjadikan beliau sebagai penyumbang jasa terawal dan terbesar terhadap perkembangan ilmu tatabahasa Arab. Sehubungan dengan itu, lahir beberapa tokoh sarjana nahu yang bersama-sama membangunkan disiplin ilmu nahu. Semua tokoh tersebut merupakan anak murid Abu al-Aswad al-Du'ali dan sekali gus menjadikan semua mereka sebagai pelapis selepas Abu al-Aswad al-Du'ali (Mukrim, 1993). Mereka terdiri daripada lima individu, iaitu 'Abd al-Rahman ibn Hurmuz, Nasr ibn 'Asim, Yahya ibn Ya'mur, 'Anbasat al-Fil dan Maymun al-Aqran. Justeru, penulisan ini mengkaji secara ringkas biografi setiap tokoh sarjana tersebut.

'Abd al-Rahman ibn Hurmuz

'Abd al-Rahman ibn Hurmuz berasal dari al-Madinah al-Munawarah. Beliau ialah seorang Tabi'in yang sempat hidup bersama para Sahabat Rasulullah. 'Abd al-Rahman seorang yang pakar dalam ilmu nasab Arab dan ilmu bahasa Arab (al-Anbārī, 1985). Namun penglibatan beliau lebih terserlah dalam bidang Hadis dan *qira'at* al-Quran. Beliau telah mempelajari *qiraat* al-Quran dan merawikan banyak hadis dari Abu Hurayrah RA. Seorang daripada anak murid beliau dalam *qira'at* ialah Nafi' ibn Abi Nu'aym. Di samping itu, beliau juga telah menulis mushaf al-Quran (al-Dhahabī, 1997).

Sebahagian sejarawan mendakwa bahawa antara yang terawal meletakkan disiplin ilmu nahu ialah 'Abd al-Rahman ibn Hurmuz dan Nasr ibn 'Asim. Akan tetapi dakwaan yang benar ialah 'Abd al-Rahman ibn Hurmuz mempelajari nahu dari Abu al-Aswad al-Du'ali (al-Anbārī, 1985). Ini menjadikan beliau sebagai anak murid kepada Abu al-Aswad al-Du'ali. Sebahagian sejarawan berpendapat kemunculan nahu di Madinah ialah bermula dari 'Abd al-Rahman. Beliau telah memasukkan ilmu nahu yang dipelajarinya dari Abu al-Aswad al-Du'ali ke dalam Madinah dan mengajarkannya kepada penduduk Madinah. Beliau banyak memberi fokus kepada masalah tatabahasa dan usul ilmu nahu. Antara individu yang mempelajari nahu daripadanya ialah Malik ibn Anas dan Nafi' ibn Abi Nu'aym (al-Sā'idī, 1997).

Di pengakhiran hidupnya, beliau telah berhijrah ke Iskandariah dan menetap di sana sehingga meninggal dunia pada tahun 117H. Sumbangan 'Abd al-Rahman ibn Hurmuz dalam perkembangan tatabahasa Arab ialah melalui bacaan *qira'at*nya dalam al-Quran. Bacaan *qira'at* ini menjadi perbincangan kepada ahli nahu pada zaman selepasnya (Mukrim, 1993). Sebagai contoh pada pembinaan *fi'l ajwaf lil majhul*, iaitu pada kalimah *qila* قِيلَ dalam surah al-Baqarah ayat 11. Terdapat dua bacaan bagi kalimah ini. Sebahagian *qurra'* membaca dengan mengishmam baris *dammah* pada huruf *qaf* dan sebahagian lagi membarisbawahkan huruf *qaf* sebagaimana yang dibaca oleh 'Abd al-Rahman ibn Hurmuz (Mukrim, 1993).

Nasr ibn 'Asim

Beliau ialah Nasr ibn 'Asim ibn Sa'id al-Laythi, seorang Tabi'in. Beliau dilahirkan di kota Basrah dan meninggal dunia sekitar tahun 81-99 Hijrah (al-Sā'idī, 1997; al-Dhahabī, 2003; Muhaysin, 1992). Beliau merupakan seorang daripada golongan Khawarij pada zamannya (al-Dhahabī, 2003). Selain beliau sebagai seorang penghafaz al-Quran, beliau turut memberi sumbangan terhadap penulisan baris al-Quran dan dalam bidang *qira'at*. Selain berkecimpung dalam perkembangan ilmu al-Quran, Nasr ibn 'Asim dilihat lebih menonjol dalam ilmu bahasa Arab. Terdapat banyak pengriwayatan sejarah yang menyatakan beliau seorang yang *faqih* dan alim dalam ilmu bahasa Arab. Malah terdapat riwayat yang menyatakan beliau ialah individu terawal yang mempelopori ilmu tatabahasa Arab (al-Dhahabī, 2003; al-Fayruzabādī, 2000). Namun begitu terdapat sebahagian riwayat yang menyatakan beliau ialah anak murid Abu al-Aswad al-Du'ali kepada dalam ilmu tatabahasa Arab, dan ini menjadikan beliau berada di barisan kedua selepas Abu al-Aswad al-Du'ali dalam pembentukan ilmu nahu (tatabahasa).

Sumbangan terawal Nasr ibn ‘Asim terhadap ilmu nahu dapat dilihat melalui usahanya menulis sebuah kitab nahu, berjudul *Kitab al-Nahw*. Selain itu, sumbangan Nasr Ibn ‘Asim dapat dinilai melalui usahanya terhadap isu susunan huruf *mu‘jam* Arab. Susunan huruf Arab yang kita dapati sekarang, iaitu susunan yang bermula dari huruf *alif* sehingga huruf *ya*’ ialah susunan yang disusun oleh Nasr Ibn ‘Asim dan Yahya ibn Ya’mur. Kaedah susunan ini lahir pada zaman pemerintahan Khalifah ‘Abd Malik ibn Marwan, manakala sependapat lagi pada zaman pemerintahan al-Hajjaj (‘Ali, 1968).

Yahya ibn Ya’mur

Seorang lagi tokoh Tabi‘in yang menyumbang dalam perkembangan terawal nahu, iaitu Yahya ibn Ya’mur al-Laythi (Ibn Manī‘, 2001). Beliau ialah seorang yang pakar dalam ilmu al-Quran dan bahasa Arab. Ketika hayatnya beliau telah berpindah dari Basrah, Iraq menuju ke Khurasan, di samping menjadi hakim di sana. Kewafatan beliau dicatatkan berlaku di Khurasan, iaitu di wilayah timur Iran pada tahun 129H pada zaman Khalifah Marwan ibn Muhammad (al-Anbārī, 1985). Perbezaan pendapat sejarawan terdahulu berkenaan tarikh kewafatan beliau adalah kecil, seperti al-Irbilī (1980) meriwayatkan tarikh kewafatan Yahya ialah pada tahun 128H. Sebahagian lagi menyebut sebelum tahun 90H (Muhaysin, 1992).

Pada asalnya Yahya ibn Ya’mur ialah seorang daripada murid kepada Abu al-Aswad al-Du‘ali dalam ilmu tatabahasa Arab. Penglibatan Yahya dalam ilmu tatabahasa Arab dapat dilihat melalui catatan sejarah oleh Ibn Nadim yang mengriwayatkan terdapat empat lembaran kertas yang tercatat mengenai hukum *fa‘il* dan *maf‘ul bih* dari kalam Abu al-Aswad al-Du‘ali, semua lembaran kertas merupakan tulisan tangan Yahya ibn Ya’mur (Ali, 1968). Selain itu, catatan berikutnya menceritakan bahawa Abu al-Aswad al-Du‘ali telah menulis bab *fa‘il* dalam sebuah kitab, pada bab tersebut terdapat pertambahan maklumat yang ditambah oleh seorang lelaki dari Banu Lais, dan berkemungkinan lelaki tersebut ialah Yahya ibn Ya’mur kerana beliau juga berasal dari Bani Lais. Seterusnya, terdapat juga riwayat yang menyatakan sumbangan Yahya dalam proses peletakkan titik pada huruf-huruf Arab. Proses ini dilakukan bagi membezakan setiap huruf tersebut, proses ini dilakukan atas arahan al-Hajjaj.

‘Anbasat al-Fil

Beliau ialah ‘Anbasat Ibn Ma’dan dan beliau ialah seorang pemuda dari Banu Maisan. Beliau diberi gelaran *al-fil* (sang gajah) disebabkan gelaran ayahnya, iaitu Ma’dan al-Fil. Terdapat pelbagai versi kisah ayahandanya bersama gajah antaranya ialah ayahanda ‘Anbasat telah berjaya menjinakkan gajah untuk al-Hajaj (al-Suyūfī, t.th.), manakala versi lain mencatatkan beliau berjaya membunuh seekor gajah untuk ‘Abdullah ibn ‘Amir lantas beliau digelar Ma‘adan al-Fil (Khalid, 2000). Dan, versi terakhir ialah beliau telah membeli sekawan gajah dari Zayd ibn Abih. Zayd memiliki sekawan gajah dan memerlukan perbelanjaan sebanyak 10 dirham setiap hari untuk gajah-gajah tersebut. Lalu Ma’dan dikatakan telah membeli sekawan gajah tersebut dan memberikan 10 dirham kepadanya setiap hari. Dalam pada itu, lahir anak kepada Ma’dan yang diberi nama ‘Anbasat, lalu dengan itu ‘Anbasat telah mendapat gelar al-Fil dinisbahkan kepada ayahandanya (al-Qifī, 1986).

Melalui penelitian yang dibuat pada kajian lepas mengenai tarikh kelahiran dan kewafatan ‘Anbasat al-Fil adalah tidak dinyatakan sama sekali. Apa yang menjadi perbincangan dalam pensejarahan lepas ialah kedudukan ‘Anbasat dalam ilmu nahu sahaja. Terdapat pendapat yang menyatakan kedudukan beliau sama ada sebelum Maymun al-Aqran atau selepas Maymun. Maymun al-Aqran juga merupakan seorang tokoh dalam ilmu tatabahasa Arab. Penulis kitab *Nuzhat al-Alibba’ fi Tabaqāt al-Udaba’* menyatakan bahawa Maymun al-Aqran ialah sahabat baik kepada ‘Anbasat, justeru persoalan seperti di atas mungkin berlaku dalam menentukan kedudukan mereka.

Penglibatan ‘Anbasat dalam tatabahasa Arab dapat dilihat apabila beliau merupakan sebagai seorang daripada empat individu yang memulakan gerakan menulis ilmu nahu, antara individu selain ‘Anbasat ialah Abdul Rahman ibn hurmuz, Nasr ibn ‘Asim dan juga Yahya ibn Ya’mur.

Maymun al-Aqran

Setelah meneliti himpunan kitab pensejarahan *nahw* Arab, maklumat mengenai biografi Maymun al-Aqran adalah sedikit. Nama sebenar, tarikh lahir, tarikh kematian dan *rihlah* keilmuan beliau tidak mempunyai catatan dalam sejarah. Berikut ialah maklumat serba sedikit yang dapat dikumpulkan mengenai penglibatan beliau dalam *nahw* Arab. Maymun al-Aqran ialah antara ulama silam yang mempelajari ilmu bahasa Arab dari Abu al-A’swad Al- Dua’li (al-Hamawī, 1993). Namun terdapat juga sebahagian yang berpendapat beliau mempelajari ilmu tersebut dari ‘Anbasat al-Fil (al-Suyuṭī, 1964).

Permasalahan yang timbul dalam sejarah Maymun al-Aqran ini ialah tidak dapat diketahui siapa yang mendahului siapa antara Maymun dahulu atau Anbasat dahulu dalam hierarki ilmu bahasa Arab (al-Qiftī, 1986). Namun penglibatan Maymun al-Aqran dalam nahu boleh dilihat dalam beberapa periwayatan sejarah. Diriwayatkan Abu al-A’swad Al- Dua’li telah mengarang sebuah buku nahu Arab dan buku tersebut telah ditambah isi kandungannya oleh Maymun al-Aqran, dan tambahan oleh beliau mengenai *Hudud al-‘Arabiyyah*. Selepas Maymun, terdapat penambahan lagi yang dilakukan oleh ‘Anbasat al-Fil. Maymun al-Aqran merupakan lima ulama bahasa Arab yang menjadi sumber rujukan pada zamannya. Lima ulama tersebut ialah pertamanya Maymun al-Aqran, seterusnya ‘Anbasat al-Fil, Abu Ishaq al-Khdrami, Abu ‘Amr ibn Ala’ dan ‘Isa ibn ‘Umar (al-Hamawī, 1993).

Riwayat lain menyebut selepas Abu al-A’swad Al- Dua’li terdapat lima tokoh pelopor ilmu nahu. Pertamanya ialah ‘Anbasat al-Fil, kemudian Maymun al-Aqran, seterusnya Yahya ibn Ya’mur, ‘Atta’ ibn Abi al-Aswad dan Abu al-Haris (Khalid, 2000). Selain itu, Maimun juga turut memberi sumbangan dalam bidang ilmu *qira’at*. Ini didapati terdapat riwayat yang menyatakan bacaan *qira’at* ini dirawi daripada Maymun al-Aqran, antara anak muridnya ialah Abu Ja’far al-Ru’asi. Berikut merupakan pensejarahan ringkas mengenai lima tokoh sarjana nahu yang berada di peringkat kedua. Antara mereka seperti ‘Anbasat dan Maimun, tidak diketahui tarikh kewafatan, nama sebenar dan tempat lahir, lantas ini jelas menunjukkan senario pensejarahan mereka kurang didendangkan dalam kitab-kitab lama.

BIOGRAFI TIGA SARJANA NAHU SELEPAS ‘ABDULLAH IBN ABI ISHAQ (149-183H)

Perbincangan peringkat pertama telah dikupada dalam perbahasan di atas dan kajian diteruskan pada peringkat kedua. Peringkat kedua dipelopori oleh ‘Abdullah ibn Abi Ishaq ini kerana beliau merupakan seorang daripada anak murid dalam kaalangan dua tokoh di atas, iaitu Yahya ibn Ya’mur dan Nasr ibn ‘Asim (Mukrim, 1993). Kajian ini menumpukan pada tokoh selepas ‘Abdullah ibn Abi Ishaq disebabkan ketokohan beliau banyak ditonjolkan dalam penulisan pensejarahan tatabahasa Arab. Sungguhpun begitu, di belakang beliau masih terdapat beberapa sarjana nahu yang tidak didendangkan penglibatannya sehebat beliau. ‘Abdullah telah melahirkan ramai tokoh nahu, namun terdapat tiga individu yang penglibatannya lebih menyerlah berbanding yang lain (Dayf, 1968). Justeru kajian ini memfokuskan biografi tiga tokoh sarjana tersebut, iaitu ‘Isa ibn ‘Umar, Abu ‘Amr ibn al-‘Ala’ dan Yunus ibn Habib.

‘Isa ibn ‘Umar

Seorang tokoh kelahiran kota Basrah yang dikenali sebagai ‘Isa ibn ‘Umar al-Thaqafi al-Nahwi berketurunan dari Banu Khurzum (al-Dhahabi, 2004). Beliau ialah tokoh ulama pada zaman pemerintahan Abu Ja‘far al-Mansur. Terdapat beberapa ulama lain yang sezaman dengannya, iaitu Ibrahim ibn Adham, Sufyan al-Thawri dan Dawud al-Tai’, mereka ialah ulama sufi, manakala ulama bahasa yang sezaman dengan ‘Isa ibn ‘Umar ialah seperti al-Khalil ibn Ahmad dan Hammad ibn Salmah (al-Dhahabi, 1998). Namun begitu, tiada catatan mengenai tarikh kelahiran beliau, adapun tarikh kewafatan terdapat beberapa pengriwayatan yang berbeza. Secara kesimpulannya, tarikh kewafatan beliau sekitar tahun 141H hingga 160H (al-Dhahabi, 2003). Namun kebanyakan riwayat mencatatkan tarikh kewafatan beliau ialah pada tahun 149H bersamaan 766M (al-Jazarī, 2006; Mawqi‘ Wizārat al-Awqāf al-Misriyyah; al-Dhahabi, 2004; Abu al-Maḥasin, 1992; ‘Ali, 1968).

Seperti kebanyakan sarjana di atas, penglibatan ‘Isa ibn ‘Umar juga menjurus kepada dua bidang, iaitu *qira’at* dan bahasa Arab. ‘Isa ibn ‘Umar telah mengarang hampir 70 buah buku berkaitan tatabahasa Arab, namun semua buku tersebut telah terbakar dan yang terselamat hanya dua buah kitab, iaitu *Kitab al-Jami’* dan *Kitab al-Ikmal* (Ibn ‘Imad al-Hanbalī, 1986). ‘Isa ibn ‘Umar juga terkenal dengan sebuah rangkap syair yang dilontarkan oleh beliau ketika orang ramai berkumpul di hadapannya tatkala beliau terjatuh dari keldainya, syairnya sebegini:

مَا لَكُمْ تَكَأْتُمْ عَلِيَّ كَتَكَاكِبُكُمْ عَلَيَّ ذِي جِنَّةٍ، اِفْرَنْعُوا عَلَيَّ

Transliterasi: *Ma lakum taka’ka’tum ‘alayya kataka’ku’ikum ‘ala dhi jinnatin, ifranqi’u ‘anni.*

Maksudnya: Kenapa kamu berhimpun di hadapanku sebagaimana kamu berhimpun di hadapan orang gila, berambuslah kamu semua dariku.

Selain itu, Isa ibn ‘Umar juga giat terlibat dalam perdebatan ilmu nahu pada zamannya. Beliau telah menganjurkan banyak medan berdebatan ilmu nahu dalam kalangan sarjana. Antara perdebatan yang disertai beliau ialah perdebatan bersama Abu ‘Amr ibn al-‘Ala’ dan al-Kisa’i.

Abu ‘Amr ibn al-‘Ala’

Beliau ialah Abu Amr Ibn al-Ala’ Ibn Amar Ibn ‘Aryan (Ibn Qutaybah, 1992). Terdapat lebih daripada 20 buah perbezaan pendapat mengenai nama beliau, terdapat pandangan yang menyatakan namanya sebagai Zaban ibn ‘Ala’ ibn ‘Amar ibn Husayn ibn Halim ibn Mazin ibn Khuza’i (Ibn Hibban, 1973). Tetapi antara pendapat yang paling *rajih* namanya ialah Zaban (Mukrim, 1993). Beliau dilahirkan di Makkah al-Mukaramah pada tahun 70H pada zaman pemerintahan Khalifah ‘Abd al-Malik ibn Marwan. Pendapat lain bahawa beliau lahir pada tahun 68H atau 72H (Muhaysin, 1992, Abu al-Maḥasin, 1992). Menerusi pendapat al-Jazari dalam kitabnya, *Ghāyat al-Nihāyah fī Tabaqāt al-Qurrā’* menasabkan keturunan Abu ‘Amr ibn al-‘Ala’ adalah berbangsa Parsi dan bukan berbangsa Arab (al-Jazarī, 2006).

Abu ‘Amr ibn al-‘Ala’ dibesarkan di kota Basrah. Keluarga beliau mempunyai latar belakang akademik. Beliau mempunyai dua orang adik beradik dan semuanya merupakan tokoh keilmuan pada ketika itu. Mereka ialah Abu Sufyan ibn al-‘Ala’ dan Mu‘adh ibn al-‘Ala’ (al-Zubaydī, 1984). Selain itu, perwatakan Abu ‘Amr ibn al-‘Ala’ digambarkan sebagai seorang yang zuhud, berfikiran terbuka, berani bersuara dan menegakkan kebenaran (Mukrim, 1993). Selain terkenal dengan ketinggian ilmu bahasa Arab, beliau merupakan imam besar dalam Ahli Sunnah wal Jamaah. Manakala mengenai kewafatan beliau pula, terdapat dua pendapat berbeza mengenai tempat kewafatan beliau; satu pendapat beliau telah wafat dalam perjalanan ke kota Sham pada zaman pemerintahan Khalifah al-Mansur (al-Anbārī, 1985.). Satu pendapat lagi, beliau wafat di Kota Kufah ketika umurnya 84 tahun (Ibn al-Jawzī, 1995).

Adapun mengenai tahun kewafatan beliau ialah sekitar tahun 154H hingga 157H (Ibn al-Athir, 1987). Ketokohan Abu ‘Amr ibn al-‘Ala’ dapat dinilai melalui kata-kata al-Jahiz, beliau menyatakan bahawa Abu ‘Amr ibn al-‘Ala’ ialah seorang yang sangat pakar mengenai bahasa Arab, *qira’at* al-Quran, syair Arab dan pensejarahan orang Arab (Dhayf, 1968). Berkenaan penglibatan beliau dalam keilmuan tatabahasa Arab, terdapat pengriwatan yang menyatakan beliau merupakan individu terawal yang memperkenalkan teknik *‘ilal* dalam nahu (‘Ali, 1968). Beliau juga dikatakan mengarang banyak kitab dan satu daripadanya ialah mengenai *al-Wuquf wal al-Ibtida’*. Beberapa contoh pandangan Abu ‘Amr ibn al-‘Ala’ dalam nahu yang digunakan sehingga kini. Pertama pada kalimah masdar قبول yang dibaca dengan baris *fathah* pada huruf *qaf*. Menurut penulis kamus *al-Sihah*, Imam al-Jawhari beliau menulis kalimah tersebut mengikut pengriwayatan daripada Abu ‘Amr ibn al-‘Ala’. Selain itu, mengenai hukum *nasab fi ‘l mudari’* selepas *fa’ al-sababiyyah* adalah diambil oleh Sibawayh daripada Abu ‘Amr ibn al-‘Ala’. Antara anak murid beliau dalam pembelajaran nahu ialah Yunus ibn Habib.

Yunus ibn Habib

Yunus ibn Habib atau nama gelarannya ‘Abd al-Rahman al-Dabi al-Nahwi. Beliau berasal dari sebuah pekampungan yang dinamakan *al-Jabbul* yang terletak di kawasan Sungai Tiggirs, Iraq di antara kota Baghdad dan Wasit. Beliau dilahirkan pada tahun 90H (Riḍa, 1993). Manakala menurut al-Zirkili (2002), beliau dilahirkan pada tahun 94H. Pendapat ini disokong oleh Dayf (1968) apabila beliau turut memuatkan tahun kelahiran yang sama dalam karyanya, *al-Madaris al-Nahwiyah*. Sebagaimana berlaku perbezaan tahun kelahiran beliau, begitu juga berlaku perbezaan yang ketara terhadap tempoh hidup beliau. Perbezaan tempoh tersebut bermula dari angka 83 tahun hingga ke-100 tahun (al-Dhahabī, 2003; Ibn al-Jawzī, 1995; Ibn al-Anbārī, 1985; al-Suyūṭī, 1964; al-Zirkili, 2002; Abu al-Fida’, t.th.), tidak dapat dipastikan berapa lama tempoh kehidupan beliau. Melalui perbezaan tempoh ini dapat disimpulkan bahawa Yunus ibn Habib memiliki umur yang panjang. Manakala tahun kematian beliau tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dalam kalangan sejarawan. Sejarah mencatatkan tahun kewafatan beliau ialah sekitar tahun 182H hingga 183 H, iaitu ketika pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid (al-‘Anbārī, 1985).

Yunus ibn Habib ialah seorang sasterawan Arab dan sepanjang hayatnya, beliau banyak memberi sumbangan keilmuan dalam dua disiplin ilmu, iaitu bidang bahasa dan sastera. Melalui penulisan Dayf (1968), Yunus ibn Habib dilihat telah mengembara ke perkampungan Arab yang terpencil untuk mengambil pengriwayatan bagi bahasa Arab. Oleh yang demikian, perkara ini menjadikan Yunus seorang yang berautoriti dalam bidang bahasa. Beliau telah meninggalkan beberapa karangan untuk dijadikan rujukan dalam bahasa Arab, antaranya seperti *Kitab Ma’ani al-Qur’an al-Kabir*, *Kitab al-Lughah*, *Kitab al-Nawadir*, *Kitab Ma’ani al-Shi’r* dan *Kitab al-Amthal*.

SUSUNAN JADUAL TOKOH SARJANA NAHU MENGIKUT KRONOLOGI TAHUN KEWAFATAN

Sebagai ringkasan kronologi tahun kewafatan tokoh sarjana nahu terawal, boleh dilihat pada susunan jadual berikut:

Jadual 1. Tokoh Sarjana Nahu dan Tahun Kewafatan

Bil.	Tokoh Sarjana Nahu	Tahun Kewafatan
1.	Abu al-Aswad al-Du'ali	69H
2.	Nasr ibn 'Asim	81-99H
3.	'Abd al-Rahman ibn Hurmuz	117H
4.	'Abdullah ibn Abi Ishaq	117H
5.	Yahya ibn Ya'mur	128-129H
6.	'Anbasat al-Fil	- tidak dinyatakan
7.	Maymun al-Aqran	- tidak dinyatakan
8.	'Isa ibn 'Umar	149-160H
9.	al-Khalil	160-175H
10.	Abu 'Amr ibn al-'Ala'	154-159H
11.	Sibawayh	180H
12.	Yunus ibn Habib	182-183H

Bahagian kotak yang tulisannya ditebalkan adalah nama tokoh sarjana yang lebih terkenal oleh kebanyakan penulisan sejarah tatabahasa Arab. Kemungkinan pembaca cenderung keliru dengan susunan tahun kewafatan tokoh yang tidak selari dengan susunan nama tokoh seperti yang diketahui umum. Adapun permasalahan ini telah dibincangkan oleh Abd al-'Al dalam penulisan kitabnya, *al-Halaqah al-Mafqudah fi al-Tarikh al-Nahw al-'Arabi* (1993) beliau menyatakan penulisan tarikh kewafatan individu bukanlah kayu ukur yang sebenar dalam pensejarahan kronologi. Ini dilihat dari sudut tempoh umur yang dimiliki seseorang itu adalah berbeza. Kemungkinan juga umur anak murid lebih pendek berbanding umur gurunya dan begitu juga jika berlaku sebaliknya. Sebagai contoh, Nasr ibn 'Asim telah mempelajari ilmu nahu dari Yahya ibn Ya'mur, sebagaimana yang tercatat dalam jadual umur Nasr ibn 'Asim lebih pendek berbanding gurunya, Yahya. Ini tidak menjadikan Nasr ibn 'Asim mendahului gurunya dalam memberi sumbangan terhadap tatabahasa Arab. Sekiranya dilihat pada kotak nama 'Anbasat al-Fil dan Maymun al-Aqran tarikh kewafatan mereka adalah kosong dan ini disebabkan tiada maklumat yang dinyatakan dalam mana-mana kitab lama. Jelas di sini menunjukkan biografi tokoh tersebut kurang didendangkan.

KESIMPULAN

Rentetan daripada sebab kemunculan ilmu nahu, iaitu memelihara al-Quran daripada sebarang bentuk kesalahan, dapat dilihat corak tokoh sarjana nahu kebanyakan mereka merupakan ahli *qira'at* al-Quran. Selain itu, maklumat mengenai tokoh yang terdapat dalam kitab hasil carian pada *Software al-Maktabah al-Shamilah* adalah berulang. Ini menunjukkan senario penulisan sejarah biografi tokoh sarjana nahu adalah berpusar sekaligus tidak berkembang. Justeru, kajian ini meremuskan sekiranya maklumat mengenai seseorang tokoh itu terpencil dan berulang-ulang, ia seolah kekal seperti tidak didendangkan dalam kebanyakan penulisan ilmiah dalam bidang yang diungkapkan oleh para ilmuwan berkaitan.

RUJUKAN

- Abu al-Fida', 'Ismā'il ibn 'Ali. t.th. *Mukhtaṣar fī 'Akhbār al-Bashar*. al-Qahirah: al-Husayniyyah al-Misriyyah.
- Abu al-Maḥasin, Muḥammad ibn Mis'ar. 1992. *Tārīkh al-'Ulama' al-Nahwiyyin min al-Basriyyin wa al-Kūfiyyin wa Ghayrihim*. al-Qahirah: Maktabat Hajar li Tiba'ah.
- al-Afghānī, Sa'id. t.th. *Min Tārīkh al-Nahw*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- 'Ali, Jawad. 1968. *al-Mufaṣṣal fī Tārīkh al-'Arab qabl al-Islām*. al-Qahirah: Dār al-Thaqāfah al-Dīniyyah.
- al-Anbārī, 'Abd al-Rahman ibn Muhammad. 1985. *Nuzhat al-Alibba' fī Tabaqāt al-Udaba'*. 'Amman: Maktabat al-Manār.
- Asrina. 2016. Dialek pemikiran nahu Basrah dan Kufah dalam catatan Ibn al-Anbari. *Khilafah Nahwiyyah* 9: 410- 430.
- Dayf, Shawqī. 1968. *al-Madāris al-Nahwiyyah*. al-Qahirah: Dār al-Ma'arif.
- al-Dhahabī, Muḥammad ibn Aḥmad. 1997. *Ma'rifat al-Qurrā' al-Kibār 'ala al-Tabaqāt wa al-A'sār*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Dhahabi, Muḥammad ibn Aḥmad. 2004. *Siyar A'lām al-Nubalā'*. Bayrut: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- al-Dhahabī, Muḥammad ibn Aḥmad. 2003. *Tārīkh al-Islām wa Wafayāt al-Mashāhīr wa al-A'lām*. Bayrut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- al-Dhahabi, Muḥammad ibn Aḥmad. 1998. *Tadhkirat al-Ḥuffāz*. Bayrut: Dār al-Kutb al-'Ilmiyyah.
- al-Fayruzabādī, Majd al-Din Ya'qub. 2000. *al-Bulaghah fī Tarājim A'immat al-Nahw wa al-Lughah*. Dimashq: Dār Sa'd al-Din.
- al-Hamawī, Yaḥyā. 1993. *Mu'jam al-Udabā' Irshād al-'Arīb ila Ma'rifat al-Adīb*. Bayrut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Hasan, 'Abbas. 1966. *al-Nahw al-Wafī*. al-Qahirah: Dār al-Ma'arif.
- Ibn al-Athir, 'Ali ibn Muhammad. 1987. *al-Kāmil fī al-Tārīkh*. Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn 'Imad al-Hanbalī, 'Abd al-Ḥayy ibn Aḥmad. 1986. *Shadharat al-Dhahab fī 'Akhbar man Dhahab*. Bayrut: Dār Ibn Kathir.
- Ibn Hibban, Muḥammad. 1973. *al-Thaqāfah*. Delhi: Wizārat al-Ma'arif li al-Hukumah al-'Aliyyah al-Hindiyyah.
- Ibn al-Jawzī, 'Abd al-Rahman ibn 'Ali. 1995. *al-Muntaẓam fī Tārīkh al-Mulūk wa al-'Umam*. Bayrut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Manī', Muḥammad ibn Sa'd . 2001. *Kitab al-Tabaqāt al-Kubra*. . al-Qahirah: Maktabat al-Khanji.
- Ibn Qutaybah, 'Abdullah ibn Muslim. 1992. *Kitab al-Ma'arif*. . al-Qahirah: al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Āmmah.
- al-Irbilī, Mubarak ibn Ahmad. 1980. *Tārīkh Irbil*. Baghdad: Dār al-Rashīd.
- al-Jazarī, Muḥammad ibn Muḥammad. 2006. *Ghāyat al-Nihāyah fī Tabaqāt al-Qurrā'*. Bayrut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. . al-Qahirah: Maktabat al-Khanji.
- Fathullah, Ahmad Lutfi. 2016. Perpustakaan Islam digital Islamic library in your hands. *Pusat Kajian Hadis*.

- Khalid ibn ‘Abdullāh. 2000. *Sharh al-Taṣrīḥ ‘ala al-Tawḍīḥ aw al-Taṣrīḥ bi Maḍmun al-Tawḍīḥ fi al-Nahw*. Bayrut: Dār al-Kutb al-‘Ilmiyyah.
- Mawqī‘ Wizārat al-Awqāf al-Misriyyah. t.th. *Tarajim Mujazah li al-A‘lām*. t.tp.: t.pt.
- Muhaysin, Muḥammad Salim. 1992. *Mu‘jam Ḥuffāz al-Qur‘ān ‘Abr al-Tārīkh*. Bayrut: Dār al-Jayl.
- Mukrim, ‘Abd al-‘Al Salim. 1993. *al-Halaqah al-Mafqūdah fi al- Tārīkh al-Nahw al-‘Arabī*. Bayrut: Mu‘asasat al-Risalah.
- al-Qiftī, ‘Alī ibn Yūsuf ibn Ibrāhīm al-Shaybānī. 1986. *Inbah al-Ruwah ‘ala Anbah al-Nuhah*. Tahqiq. Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim. . al-Qahirah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Riḍa, ‘Umar. 1993. *Mu‘jam al-Mu‘allaḥīn*. Bayrut: Dār ‘Ihya’ al-Turath.
- al-Sā‘idī, ‘Abd al-Razzāq ibn Farrāj. 1997. *‘Usūl ‘Ilm al-‘Arabīyyah fī al-Madīnah*. al-Madīnah: Majallat al-Jāmi‘ah al-Islamiyyah bi al-Madīnah al-Munawarah.
- al-Suyūṭī, Jalāl al-Din ‘Abd al-Rahman ibn Abi Bakr. 1964. *Bugyat al-Wu‘ah fi Tabaqāt al-Lughawīyyīn wa al-Nuhah*. al-Qahirah: ‘Isa al-Babī al-Halabī.
- al-Suyūṭī, Jalāl al-Din ‘Abd al-Rahman ibn Abi Bakr. t.th. *al-Muzhir fī ‘Ulūm al-Lughah wa Anwa‘iha*. . al-Qahirah: al-Maktabah al-‘Asriyyah.
- al-Ṭanṭawī, Muhammad. 1991. *Nash‘at al-Nahw wa Tārīkh ‘Ashhur al-Nuhāh*. al-Qahirah: Dār al-Manār.
- al-Zirikli, Khayr al-Din ibn Mahmud. 2002. *al-A‘lām*. Bayrut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyin.
- al-Zubaydī, Muḥammad ibn al-Hasan. 1984. *Tabaqāt al-Nahwiyyin wa al-Lughawīyyīn*. al-Qahirah: Dār al-Ma‘arif.